

BAB 1 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Perbincangan dan perbahasan topik ini bukanlah sesuatu yang baru malahan sudah lama diperkatakan oleh para sarjana tempatan mahupun Barat. Banyak kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat hanya menumpukan kepada aspek sejarah dan budaya tertentu sahaja. Malahan dalam aspek-aspek yang lain ia hanya dibincangkan secara ringkas. Walau bagaimanapun, tidak ramai para pengkaji memfokuskan kepada aspek perubahan terhadap peradaban umat Islām dari segi ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādat dan norma, mu’amalat, pendidikan dan politik.

Dalam konteks ini, penulis cuba menjelaskan bagaimana proses penyebaran Islām di ‘Ālam Melayu meliputi Indo-China, Sumatera Utara, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, Brunei dan Selatan Thailand sehingga membawa satu perubahan yang besar terhadap peradaban umat Islām. Seperti mana yang dijelaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas bahawa kedatangan Islām telah membawa satu zaman yang baru (1999: 3). Satu zaman yang membawa perubahan pemikiran Melayu kuno yang dipengaruhi oleh kepercayaan nenek moyang terdahulu kepada ‘aqīdah Islām yang sebenarnya. Namun dalam häl ini, ternyata agak sukar untuk mengikis kepercayaan lama dalam kehidupan mereka walaupun setelah mereka menerima Islām.

Selain itu, penulis juga mengkaji sejauh manakah berlaku proses interaksi antara agama Islām dan Hindu-Buddha sehingga Islām menjadi satu agama yang bersifat universal dan menjadi wadah utama dalam membina sebuah peradaban yang besar bagi umat Islām di ‘Ālam Melayu. Pendedahan kepada agama sepanjang beberapa abad telah mengubah pelbagai dimensi hidup orang Melayu yang asal, menyebabkan berlaku suatu transformasi ‘umūm yang membabitkan pandangan semesta (*world view*) dan perilaku mereka. Proses ini berterusan hingga kini. Keadaan ini telah membawa perubahan yang besar ke atas kehidupan Melayu dalam aspek ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādaṭ dan norma, mu‘āmalat, pendidikan dan politik. Namun dalam ḥāl ini, tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya permasalahan-permasalahan di dalam Islām kini dalam bidang sosiobudaya, agama dan politik yang amat bertentangan dengan ajaran Islām yang sebenarnya.

1.2 PENGERTIAN TAJUK DAN PERMASALAHANNYA

Tajuk kajian ini ialah “Peranan agama Islām dan kesannya ke atas perkembangan peradaban umat Islām khususnya di ‘Ālam Melayu”. Berdasarkan tajuk ini, terdapat empat konsep utama yang akan ditekankan. Pemilihan ini dibuat memandangkan keempat-empat aspek ini telah merangkumi hampir keseluruhan tajuk disertasi ini.

A. Konsep Pertama

Konsep pertama ialah peranan agama Islām, di mana ia menjelaskan dengan terperinci berdasarkan kronologi sejarah kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu yang boleh kita

telusuri berdasarkan kajian-kajian sejarah. Apakah benar Islām memainkan peranan yang cukup penting di ‘Ālam Melayu ini? Secara ‘umumnya, peranan ialah tanggungjawab atau tugas yang dipegang atau dipimpin oleh seseorang atau di dalam sesuatu perkara atau hāl. Menurut Dr. Teuku Iskandar dalam *Kamus Dewan*, maksud “*peranan*” ialah bahagian sandiwara atau pekerjaan atau tugas yang dipegang (1993: 941).

Manakala “*agama*” ialah kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya, kepercayaan kepada yang Maha Kuasa. Berdasarkan *Ensiklopedia Sejarah Islām*, kalimah “*Islām*” berasal daripada kata dasar *aslama* yang membawa erti penyerahan secara total kepada Allāh s.w.t (Mahayudin Hj. Yahaya, 1986: 117). Secara lebih jelas lagi, Islām merupakan satu peraturan atau cara hidup yang berlandaskan al-Qur’ān dan Hadīth yang meliputi semua aspek kehidupan manusia sejagat.

B. Konsep Kedua

Konsep kedua, untuk meninjau sejauh manakah kesan perkembangan Islām membawa satu era perubahan kepada peradaban umat Islām. Berdasarkan *Kamus Dewan*, perkataan “*kesunnya*” ialah sesuatu tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu bekas sama ada yang baik atau buruk yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain), kesudahan (hāsil, akibat daripada sesuatu) (Dr. Teuku Iskandar, Op cit, 1993: 614-615). Sementara “*perkembangan*” membawa maksud kepada bahagian proses perkembangan menjadi lebih meluas (Ibid: 578). Dengan kata lain ialah

proses perkembangan dari satu tahap yang rendah kepada tahap yang lebih tinggi dalam konteks peradaban umat Islām.

C. Konsep Ketiga

Seterusnya di dalam konsep ketiga, disertasi ini turut memfokuskan perkembangan peradaban umat Islām dengan melihat kepada beberapa aspek utama iaitu ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādat dan norma, mu‘āmalat, pendidikan dan politik. “Peradaban” pula menurut *Kamus Dewan* ialah istilāh yang membawa maksud keadaan serta tingkat kemajuan pada jasmānī dan rohānī sesuatu bangsa atau (Ibid: 6). Menurut *Kamus Besar Bahasa Melayu* mendefinisikan peradaban sebagai kebudayaan, tamadun, kultur, kemajuan lahir secara rohānī dan jasmānī, kecerdasan sama ada secara lahir atau bātīn (Zainal Abidin Safarwan, 1995:12).

Selain dari istilāh peradaban, Ibn Khaldūn juga menggunakan istilāh ‘umrān dalam memperihalkan tentang tamadun. (Ibn Khaldūn, Franz Rosenthal [Trans.] & N.J.Dawood [ed.],1967: 42-43). Dalam pengertian yang lebih khusūs pengkajian “umrān” oleh Ibn Khaldūn merujuk kepada yang memiliki ciri-ciri seperti mempunyai pegangan agama yang kuat, sistem kenegaraan yang teratur, sistem perundangan yang tersusun rapi, kehidupan cara bandar dan kepakaran di bidang seni lukis dan seni reka. Istilāh “tamadun” juga boleh dikaitkan dengan istilāh ‘Arab “hadhārah” yang bermaksud menetap di bandar, tahu ‘adab sopan dan baik tingkah laku (Prof. Dr. Hashim Haji Musa, 2001: 24).

Selain daripada itu, *iṣṭilāh* tamadun juga boleh disamakan dengan *iṣṭilāh* “*civilization*” dalam bahasa Inggeris. Perkataan ini berasal daripada perkataan “*civitas*” dalam bahasa Latin yang bermaksud bandar atau kota. Ianya membawa maksud yang menekankan penggabungan antara ketinggian budaya dan kemajuan kebendaan (*a relatively high cultural and technological development*) (*Ibid*).

D. Konsep Keempat

Konsep ini merujuk kepada *iṣṭilāh* ‘Ālam Melayu atau Dunia Melayu yang mempunyai pengertian yang luas merangkumi tiga konsep utama iaitu:

1. Dunia Melayu yang merangkumi keserumpunan bahasa-bahasa dan bangsa-bangsa yang dikenali dengan Melayu-Polinesia majoriti adalah beragama Islām (Prof. Dato’ Wan Hashim Wan Teh dalam Tan Sri Prof. Ismail Hussien, et al, 1997: 127).
2. Dunia berbahasa Melayu yang meliputi pelbagai etnik, agama dan negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama (Tan Sri Prof. Ismail Hussein dalam *ibid*: 66-67).
3. Dunia Melayu-Polinesia yang mempunyai keturunan rumpun bangsa dan bahasa induk yang sama merentasi dari Pulau Malagasi (Madagaskar) sehingga ke Lautan Pasifik merangkumi Pulau-pulau Polinesia, Hawaii, Mikronesia dan ke Utara sehingga ke Pulau Taiwan (*Ibid*).

Di samping itu, disertasi ini turut mengkaji, meneliti dan menjelaskan permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan topik penulisan ini berdasarkan sumber-sumber kajian untuk memperlihatkan betapa penting peranan agama Islām dalam membawa era perubahan kepada peradaban umat Islām. Era perubahan ini akan dikaji dengan jelas dan padat dalam aspek-aspek teras ajaran Islām. Sebelum ini, ramai pengkaji sejarah dan para sarjana tempatan dan Barat cuba menjelaskan teori-teori kedatangan Islām, faktor-faktor perkembangannya serta kewujudan pusat-pusat penyebaran Islām di ‘Ālam Melayu. Walau bagaimanapun, tidak ramai yang memfokuskan kepada kesan kedatangan Islām secara mendalam terhadap peradaban umat Islām dalam aspek ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādaṭ dan norma, pendidikan, mu‘āmalat dan politik. Keadaan demikian menyebabkan penulis berusaha mengkaji aspek-aspek tersebut. Di samping itu, ia juga mengkaji permasalahan-permasalahan Islām kini dalam aspek sosiobudaya, agama dan politik.

Selain itu, penulis juga ingin mengkaji bagaimana berlaku proses interaksi antara Islām dan Hindu-Buddha sehingga Islām dapat merubah pandangan ‘ālam (*weltanschauung*) mereka kepada kehidupan yang berteraskan ajaran Islām. Seperti yang kita ketahui bahawa sebelum kedatangan Islām, di ‘Ālam Melayu cukup kuat pegangan agama Hindu-Buddha. Namun kedatangan Islām telah membawa satu perubahan yang besar ke atas kehidupan mereka. Oleh itu penulis cuba menjelaskan keadaan sejarah ini secara mendalam bermula dari peringkat permulaan sehingga sekarang.

Kajian ini juga cuba meneroka perkembangan agama Islām di ‘Ālam Melayu termasuk Sumatera Utara (Perlak, Samudera-Pasai dan Aceh), Jawa, Indo-China (Campa), Semenanjung Tanah Melayu (Melaka dan Johor-Riau), Selatan Thailand (Patānī) dan

Brunei. Jelasnya, kajian ini cuba melihat kesinambungan perkembangan Islām dari peringkat awal sehingga sekarang berdasarkan fakta-fakta sejarah di ‘Ālam Melayu.

1.3 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN

Dalam penulisan disertasi ini, beberapa permasalahan yang berkaitan dengan tajuk ini telah dapat dikenal pasti. Bagi mencapai tujuan kajian ini, usaha-usaha dilakukan untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan dengan mencari, meneliti dan mengkaji bahan-bahan serta fakta-fakta yang terdahulu bagi membantu mendapatkan fakta yang jelas dan tepat. Namun dalam hāl ini, masih ada sebahagian fakta-fakta yang menjadi percanggahan di kalangan para pengkaji sejarah. Antaranya bilakah tarikh kemasukan Islām dan dari mana ianya dibawa masuk ke ‘Ālam Melayu? Walau bagaimanapun, penulis cuba menjelaskan hāl ini dengan sejelas yang mungkin.

Di samping itu, penulis telah membuat penelitian terhadap suasana kehidupan masyarakat Islām kini di mana wujudnya permasalahan dalam aspek agama, sosiobudaya dan politik yang bertentangan dengan ajaran Islām. Melihat kepada konteks agama, Melayu menerima Islām sebagai satu agama yang menjadi panduan dalam kehidupan mereka. Namun sebilangan kecil dari mereka masih mengamalkan kepercayaan-kepercayaan karut, bid'ah yang bertentangan dengan Islām. Contohnya kepercayaan kepada jīn, syāitān, bomoh yang mempunyai kuasa untuk memulihkan penyakit atau sebagainya, adanya ‘adat-‘adat dan pantang larang yang bertentangan dengan Islām seperti mandi safar, lenggang perut dan sebagainya.

Manakala dalam bidang sosial wujudnya gejala-gejala yang tidak bermoral seperti seks bebas, dadah, AIDS, minum arak dan sebagainya. Dalam bidang politik pula wujud gejala rasuah, ‘amalan hamba tuan atau penaung pelanggan (*patron-client*), politik wang dan sebagainya (Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan, 1996: 235-237). Keadaan ini menyebabkan penulis ingin melihat sejauh manakah peranan agama Islām dalam membawa satu transformasi Islām yang sebenarnya dalam kehidupan masyarakat Melayu.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Tajuk ini merupakan tajuk yang cukup penting untuk dikaji supaya dapat memberi penjelasan, kefahaman dan keyaqīnan kepada masyarakat Islām bahawa Islām merupakan satu “*al-Dīn*¹” kepada umat Islām sejagat. Sehubungan dengan itu, penulis cuba membuktikan sejauh manakah Islām membawa satu perubahan kepercayaan masyarakat Melayu daripada kepercayaan *animisme*², *dinamisme*³ dan Hindu-Buddha kepada kepercayaan yang berteraskan ajaran Islām. Justeru itu, kajian ini lebih memperincikan lagi aspek perubahan yang berlaku di kalangan masyarakat Islām khususnya dalam bidang ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādat dan norma, mu‘āmalat, pendidikan dan politik di ‘Ālam Melayu.

¹ Agama yang diwahyukan oleh Allāh s.w.t bagi mengatur kehidupan manusia untuk mencapai kesempurnaan, ketenangan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

² *Animisme* berasal dari bahasa Latin “*anima*” yang bererti roh. *Animisme* adalah kepercayaan adanya jiwa atau roh yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia.

³ Menurut Dr. O.K.Rahmat S.H dalam bukunya “*Dari Adam sampai Muhammad sebuah kajian mengenai Agama-agama*” mendefinisikan sebagai kepercayaan kepada adanya tenaga yang tidak berperibadi dalam diri makhlūq-makhlūq ‘ālam, baik pada manusia, hājwān, tumbuh-tumbuhan atau benda-benda lain; juga pada kata-kata yang diucapkan atau ditulis dan lain-lain.

1.5 KAJIAN-KAJIAN LALU

Berdasarkan pengamatan dan kajian penulis, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat ramai penulis dan ahli akademik Islām mahupun Barat telah berusaha mengkaji, memahami dan meneliti perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu dalam pelbagai aspek.

Antaranya ialah :

1. Teori-teori kedatangan Islām.
2. Faktor-faktor perkembangan agama Islām.
3. Sejarah kedatangan Islām.
4. Kemunculan pusat-pusat perkembangan Islām.
5. Kesan-kesan kedatangan Islām.

Walau bagaimanapun, tidak ramai yang mengkaji sejauh manakah berlaku interaksi antara agama (Islām dan Hindu-Buddha) sehinggakan ideologi yang dibawa oleh Islām dapat merubah kehidupan masyarakat ‘Ālam Melayu. Selain itu, penulis cuba mengkaji sejauh manakah keberkesanan pengaruh Islām dapat merubah *world view* atau *weltanschauung* kehidupan masyarakat Melayu dalam aspek ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādat dan norma, mu’amalat, pendidikan dan politik.

Hasil penelitian dan kajian, penulis telah membuat ringkasan kajian-kajian lalu berdasarkan disertasi, buku dan kajian-kajian ‘ilmiah dalam bidang kajian yang telah dikaji. Antaranya :

1. Disertasi yang kemudian telah dibukukan Abdul Rahman Haji Abdullah yang bertajuk "*Pemikiran Umat Islām di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*". Beliau membahagikan kepada lima bab utama. Bab pertama menyentuh tentang warisan budaya berdasarkan kepercayaan asli, pengaruh Hindu-Buddha sehinggalah kedatangan Islām ke Nusantara. Sementara pada bab kedua, beliau menjelaskan kedatangan Islām ke Nusantara dengan melihat dari sudut hubungan awal antara orang-orang 'Arab dengan masyarakat Nusantara dan tidak menjelaskan tentang tiga teori utama kedatangan Islām.

Beliau juga banyak menyentuh tentang perkembangan madhab atau aliran pemikiran dalam Islām. Pada bab ketiga beliau menjelaskan pengaruh Islām di Nusantara dari segi politik, ekonomi, sosial, kesenian secara ringkas sahaja. Seterusnya pada bab keempat beliau menyentuh tentang latar belakang sejarah pemikiran Islām tradisional dari segi 'aqīdah, syarī'ah dan tasawwuf. Seterusnya beliau melihat pertumbuhan dan perkembangan pemikiran Islām di Nusantara.

Secara 'umūm beliau tidak bersetuju dengan pandangan S.M.N. al-Attas bahawa Islām membawa satu perubahan yang baru bagi masyarakat Nusantara. Pandangan beliau dalam hal ini ialah pengaruh Islām di Nusantara dianggap sebagai pendekatan yang berdasarkan "*continuity and change*" iaitu kesinambungan dan perubahan. Beliau menganggap Islām hanya membawa perubahan dalam aspek-aspek tertentu sahaja, namun dalam aspek-aspek perubahan lain masih mengamalkan unsur-unsur tradisi. Selain itu, beliau juga banyak mengaitkan pengaruh dari 'Arab sehingga wujudnya Syī'ah, Khawārij dan sebagainya.

2. Buku bertajuk “*Islām dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*” oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas cuba memperjelaskan fakta keagungan umat Melayu Islām yang sebenar yang selama ini cuba diselewengkan oleh orientalis Barat dan para pengikut mereka. Kemudian beliau menjelaskan suasana kegemilangan tamadun Islām di rantau Asia Tenggara berdasarkan fakta dan bukti yang terperinci dan menyangkal teori sarjana Barat yang bersikap sinis terhadap kegemilangan tamadun Islām.

Beliau juga menyentuh sejarah kedatangan Islām ke daerah Kepulauan Melayu-Indonesia yang menandakan kedatangan zaman baru dan permulaan zaman moden dan memberi gambaran mengenai pandangan hidup masyarakat di daerah Kepulauan Melayu-Indonesia sebelum kedatangan Islām di mana mereka menganut agama Hindu-Buddha. Seterusnya beliau menjelaskan secara ringkas faktor-faktor perkembangan Islām di Kepulauan Melayu. Akhir sekali beliau menjelaskan bahawa kedatangan Islām telah memberi kesan yang cukup mendalam dalam bidang falsafah sejarah, pendidikan, kesusasteraan, kesenian, kebudayaan dan lain-lain

3. Buku “*Islām Comes to Malaysia*” oleh S.Q. Fatimi, membahagikan kepada lima bahagian. Pada bahagian pertama menjelaskan kenyataan masalah. Kemudian beliau menjelaskan andaian-andaian terhadap kedatangan Islām ke Malaysia berdasarkan pendapat ahli sejarah seperti S. John Crawfurd, Harrison, R.A.Kern, Morrison dan lain-lain. Seterusnya pada bahagian ketiga, beliau menjelaskan dari mana Islām datang ke Malaysia. Berdasarkan fakta sejarah melalui pendapat Marco Polo, *Sejarah Melayu*, Sumber dari China, *Hikāyat Raja-raja Pasai* dan

Suma Oriental yang mempunyai bukti masing-masing. Kemudian turut diperjelaskan tarikh kedatangan Islām. Berdasarkan catatan Marco Polo, sudah ada masyarakat Islām di Perlak pada tahun 1292. Sementara di Leran, Utara Jawa adanya batu nisan yang bertarikh 1082, kemudian di Phang-rang Campa pada tahun 1039. Pada tahun 1303 M dijumpai batu bersurat Terengganu. Jelas di sini menggambarkan tarikh kedatangan Islām. Akhir sekali beliau menjelaskan bagaimana Islām datang ke Malaysia. Terdapat pelbagai jawapan yang telah diberikan dalam hāl ini berdasarkan pendapat ahli sejarah dan sarjana yang masing-masing mempunyai fakta dan bukti.

4. Buku “*Merekonstruksi Tamadun Melayu Islām ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*” oleh Prof. Dr. Hashim Hj. Musa. Dalam buku ini dijelaskan konsep merekonstruksi tamadun Melayu Islām, kemudian turut diperbincangkan teori kebangkitan dan kejatuhan tamadun Islām bersama detik-detik penting dan genting dalam sejarah tamadun Islām bermula pada awal Hijrah (610 M) sehingga ke tahun 1420 H (1999 M). Kemudian beliau membincangkan tradisi ‘ilmu dalam tamadun Islām sebagai tamadun dunia dan pengaruhnya terhadap kebangkitan tamadun Barat.

Seterusnya menjelaskan konsep tamadun Melayu dalam tiga dimensi utama dan secara ‘umūm tentang konsep tamadun, penghuraian tentang tipologi tamadun manusia berdasarkan pandangan semesta atau nilai dominan tentang ‘ālam dan penghidupan. Beliau juga membincangkan kebangkitan tamadun Melayu Islām sebagai tamadun dunia pada zaman kegemilangannya termasuklah Perlak, Samudera-Pasai, Aceh, Melaka, Patānī, Terengganu, Riau dan lain-lain. Akhir

sekali strategi merekonstruksi dan membangkitkan kembali tamadun Melayu Islām dan peranannya dalam pembentukan tamadun dunia dalam alaf ketiga masihi.

5. Buku oleh Mohd. Sarim Hj. Mustajab yang bertajuk "*Islām dan Perkembangannya dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940an*". Beliau telah membahagikan kepada empat bab. Pada bab pertama, beliau menjelaskan pengaruh British dan menyoroti perkembangan gerakan Islāh di Tanah Melayu serta tokoh-tokoh yang terlibat dalam kegiatan Islāh. Sementara bab kedua, beliau membincangkan perkembangan akhbar-akhbar dan majalah-majalah Islāh untuk memberi penjelasan bahawa wujudnya golongan literasi Melayu yang bermula dari golongan agama. Tetapi akhirnya suara-suara ini ditenggelami oleh pendidikan sekular.

Pada bab ketiga, beliau menjelaskan struktur dan pentadbiran organisasi agama terutama di negeri Kelantan dan Terengganu di mana wujudnya pertentangan antara pegawai-pegawai Melayu dengan pegawai-pegawai British. Keadaan ini secara tidak langsung memberi masalah kepada kedudukan sejarah Islām di Tanah Melayu. Akhirnya pada bab keempat, penumpuan diberikan kepada proses perkembangan Islāh dengan membincangkan pertumbuhan institusi pendidikan agama yang di katakan hampir berjaya mencapai matlamat. Secara keseluruhannya disertasi ini banyak membincangkan bagaimana gerakan Islāh memainkan peranan penting dalam perkembangan Islām di Tanah Melayu sekitar abad 20an.

6. Latihan ‘ilmiah bertajuk “*Kedatangan Agama Islām ke Daerah Jelebu: Kesan dan Pengaruhnya terhadap Penduduk Setempat*”. Beliau membahagikan topik ini kepada lima bab. Bab pertama menerangkan tentang sejarah kedatangan Islām ke daerah Jelebu. Kemudian bab kedua, menjelaskan Islām sebagai agama wahyu yang mempunyai peraturan berkaitan fitrah manusia, mu’āmalat, jināyat, munākahāt dan ‘ibādat.

Bab ketiga memfokuskan kedatangan Islām ke daerah itu, manakala pada bab keempat menjelaskan kesannya kepada masyarakat setempat dan bab kelima membuat kesimpulan dan saranan terhadap tajuk ini. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa penulisan ini menekankan kepada kajian setempat dan tidak menyeluruh. Sejarah kedatangan Islām ke daerah Jelebu, di lihat secara ringkas sahaja.

7. Buku bertajuk “*Islām di ‘Ālam Melayu*” oleh Dr. Mahayudin Hj. Yahaya mempunyai lima bahagian. Setiap bahagian terdapat beberapa pembahagian bab. Pada bahagian pertama menjelaskan penyebaran Islām di Tanah Melayu sebelum lahirnya kerajaan Melayu Melaka dan menyentuh sedikit berkaitan dengan teori-teori kedatangan Islām. Dalam konteks ini, beliau menekankan kepada aspek sejarah secara menyeluruh mengikut peringkat. Bermula zaman Primitif, Hindu-Buddha dan Islām secara ringkas sahaja.

Manakala pada bahagian kedua, beliau menjelaskan dokumentasi yang berkaitan dengan *Bahr al-Lāhūt* iaitu naskhah Melayu tentang Islām pada abad ke-12 dan juga bukti penyebaran Islām di ‘Ālam Melayu yang terdapat di Eropah.

Seterusnya pada bahagian ketiga diterangkan kesan kedatangan Islām dan pengaruh agama terhadap pemikiran Melayu tradisional. Manakala pada bahagian keempat dijelaskan kesan penjajahan terhadap masyarakat Islām di Malaysia dan bahagian terakhir, beliau menjelaskan Islām dan pembangunan di Malaysia.

8. Buku “*Tamadun Islām dan Tamadun ‘Ālam Melayu serta Sumbangannya kepada Dunia*” yang ditulis oleh W. Abdullah Hj. W. Mahmood dan Dr. Wista Ahmad menerusi bab 4 menjelaskan suasana ‘Ālam Melayu dan masyarakat sebelum kedatangan Islām. Mereka mempercayai terhadap warisan budaya tempatan dan juga pengaruh Hindu-Buddha. Beliau juga menyentuh secara ringkas faktor kedatangan Islām dan implikasi terhadap aspek keyaqīnan, keilmuan, sastera Melayu, bahasa, sosial, politik dan ekonomi.
9. Buku Rasid Muhammad “*Matra Tamadun Islām*” iaitu pada bab 5 melihat bagaimana sejarah awal kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu dengan menyentuh sedikit latar belakang masyarakat Melayu sebelum Islām, teori kedatangan dan penyebaran Islām. Di samping itu, beliau juga menjelaskan bagaimana berlaku proses transformasi Islām kepada keyaqīnan, pemikiran dan budaya Melayu serta sudut keilmuan, bahasa dan sastera. Keseluruhan yang dibincangkan dalam buku ini hanyalah secara ringkas sahaja tanpa mengkaji secara mendalam.
10. Buku “*Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*” oleh Abd. Rahman Hj. Abdullah pada tahun 2000 turut diamati. Beliau membahagikan kepada tiga bahagian yang besar. Bahagian yang pertama menceritakan tradisi asli dengan mengemukakan teori prasejarah, kebudayaan asli dan kepercayaan asli masyarakat Asia Tenggara.

Kemudian pada bahagian kedua, beliau menjelaskan pengaruh India di Asia Tenggara dari bermula hubungan awal sehingga terpengaruh dengan kepercayaan dan kebudayaan mereka.

Akhir sekali pada bahagian ketiga, beliau menjelaskan pengaruh Islām dari segi bermula proses pengislaman dengan membahagikan kepada empat peringkat dan menceritakan bagaimana Islām telah mempengaruhi masyarakat dari segi kepercayaan dan kebudayaan. Oleh kerana semua aspek yang disentuh oleh beliau berkaitan dengan sejarah dan tamadun Asia Tenggara secara menyeluruh, ia menyebabkan setiap aspek yang dibahaskan tidak mendapat kupasan yang mendalam.

11. Latihan ‘ilmiah yang ditulis oleh W. Azham W. Zainal Abidin, pelajar Jabatan Usul al Dīn Universiti Malaya yang bertajuk “*Sejarah Kemasukan Islām ke Pahang*”. Beliau mengkaji bagaimana Islām sampai ke Pahang dengan melihat sejarah kemasukannya dan bukti-bukti penemuan, faktor-faktor kemasukan serta peranan ‘ulamā’ dalam proses penyebaran Islām di Pahang.

Di samping itu, beliau menjelaskan tentang sejarah penubuhan JAIP dan Majlis Agama Islām dan ‘Ādat Isti‘ādat Melayu Pahang. Beliau juga memberi fakta yang berkaitan dengan teori-teori dan faktor-faktor perkembangan Islām di Nusantara secara ringkas. Jelas bahawa kajian ‘ilmiah ini hanya menumpukan kepada sejarah kemasukan Islām di Pahang sahaja dan tidak di Nusantara.

Oleh yang demikian secara nyata, bahawa kajian-kajian yang lalu tidak menjurus sepenuh kepada tajuk penulisan kajian ini. Namun tidak dinafikan, bahawa telah banyak kajian dibuat mengenai penyebaran Islam di 'Alam Melayu. Walau bagaimanapun, hasil penulisan mereka di atas menjadi cukup bermanfaat sebagai sumber bantu (pendua) untuk penulisan tesis ini. Memandangkan belum ada kajian yang mendalam mengenai kesan perkembangan Islam terhadap peradaban umat Islam di 'Alam Melayu, maka penulis berusaha mengkaji, meneliti dan memahami tajuk ini supaya ianya dapat memenuhi tujuan sebenar kajian disertasi ini.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini. Antaranya:

- a. Mengetengahkan kepada masyarakat secara 'umumnya dan kepada dunia Melayu khususnya pendekatan Islam sebagai satu cara hidup yang universal.
- b. Melihat sejauh manakah berlaku interaksi antara agama Islam dan Hindu-Buddha sehingga Islam dapat menjadi pegangan hidup bagi masyarakat Islam di 'Alam Melayu.
- c. Untuk melihat sejauh manakah Islam membawa perubahan kepercayaan masyarakat Melayu dari kepercayaan *animisme*, *dinamisme* dan Hindu-Buddha

kepada kepercayaan yang berteraskan ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq yang berlandaskan kepada ajaran Islām.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Sebelum membicarakan istilah-istilah metod yang digunakan dalam penulisan ini, terlebih dahulu penulis ingin menjelaskan tentang maksud metodologi kajian. Metode berasal daripada bahasa Yunani iaitu *methodos* yang bermaksud cara atau jalan. *Logos* bermaksud ‘ilmu. Hāṣil gabungan daripada kedua-dua perkataan ini membawa pengertian bahawa metodologi ialah cara atau jalan bagi memahami sesuatu perkara yang berkaitan dengan ‘ilmu yang hendak dikaji (Koentjaraningrat, [pysn], 1977: 16). Menurut Teuku Iskandar dalam *Kamus Dewan*, metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan usaha dan sebagainya (1993: 826). Dengan kata lain, metodologi ialah cara atau kaedah yang digunakan untuk melakukan sesuatu penyelidikan atau kajian.

Dalam erti kata lain, metod bermaksud prosedur atau proses untuk mencapai sesuatu. Dari segi falsafah, kaedah ialah prosedur, teknik atau sejumlah dalīl yang sistematik dalam kajian falsafah (Dr. Sidi Gazalba, 1981: 52-53). Metodologi (Latin: *methodus* dan *logia*) mengandungi himpunan kaedah, prosedur, konsep kerja dan anggapan dasar yang dipergunakan oleh sains. Ia memproses teknik atau pendekatan-pendekatan dalam memecahkan suatu masalah atau melakukan sesuatu (*Ibid*: 53).

Manakala kajian bermaksud kegiatan usaha atau proses mengkaji dan menyelidik untuk mengetahui kedudukan dan sebagainya bagi sesuatu perkara dengan nyata (Ibid: 516-517).

Dalam penulisan disertasi ini, penulis telah menggunakan dua metodologi bagi menghasilkan kajian iaitu Metod Pengumpulan Data dan Metod Analisis Data.

1.7.1 Metod Pengumpulan Data

Kaedah atau cara mengumpulkan butir-butir atau maklumat terperinci yang diketahui atau telah dikumpulkan tentang sesuatu dan dapat dijadikan asas untuk membuat kajian secara analisis atau kesimpulan (Ibid: 255). Ianya bertujuan untuk mencapai apa yang dikehendaki dalam objektif dan hipotesis. Dalam usaha untuk mengumpulkan data dan fakta ini, penulis telah menggunakan dua sumber utama iaitu:

1.7.1 (a) Metod Perpustakaan (*Library Research*)

Kajian perpustakaan merupakan teknik bagi seseorang penyelidik untuk mencari dan mengumpul bahan-bahan sama ada bercetak mahupun bertulis bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod bagi meneliti kajian terdahulu atau berkaitan. Memandangkan kajian penulis bersifat perpustakaan (*library research*), maka sumber-sumber yang diperolehi adalah berdasarkan buku-buku, jurnal, majalah-majalah, manuskrip-manuskrip⁴ dan sebagainya.

⁴ Menurut Dr. Teuku Iskandar dalam *Kamus Dewan*, manuskrip merupakan naskhah tulisan tangan yang telah disediakan oleh penulis (editor dan sebagainya) untuk dicetak dan diterbitkan dalam bentuk buku atau sebagainya.

Antara perpustakaan yang menjadi tempat untuk mendapatkan bahan rujukan ialah :

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- b. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
- c. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- d. Perpustakaan Awam Pusat Islām.
- e. Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka.
- f. Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.
- g. Perpustakaan Universiti Islām Antarabangsa Malaysia.
- h. Perpustakaan Awam Alor Setar Kedah
- i. Muzium Negara Kuala Lumpur
- j. Arkib Negara Kuala Lumpur

1.7.1(b) Metod Kajian Lapangan (*Fieldwork*)

Kajian lapangan merupakan kajian di luar perpustakaan. Ianya bagi mendapatkan bahan-bahan yang baru dan asli bagi menjamin ketepatan kajian. Dalam skop kajian ini, penulis hanya memberi penekanan kepada kajian arkeologi (*archeological research*) dengan pergi ke tempat-tempat bersejarah atau sebagainya.

1.7.1(b)(i) Metod Penelitian

Metod yang berkaitan perihal kerja atau sebagainya untuk membuat penelitian, pengkajian, penyelidikan dan pemeriksaan terhadap sesuatu fakta (*Ibid: 1321*). Dalam hal ini, penggunaan teknik dan alat pengumpulan data yang tepat (sesuai) dapat

membantu pencapaian hasil atau pemecahan masalah yang sahīh (*valid*) dan andal (*reliable*) bagi mendapat sesuatu fakta atau data. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti dan mengkaji objek serta subjek yang dipilih sesuai dengan topik.

1.7.1(b)(ii) Metod Arkeologi

Menurut Dr. Teuku Iskandar dalam *Kamus Dewan* (Ibid: 57), kajian arkeologi merupakan kajian saintifik mengenai pelbagai kebudayaan terutama berkaitan budaya prasejarah dengan cara penggalian dan penghuraian kesan-kesan tinggalannya. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau bahan-bahan yang asli dan tepat.

1.7.2 Metod Analisis dan Huraian Data

Kaedah atau cara proses penyelidikan atau penghuraian sesuatu persoalan, masalah, keadaan berdasarkan maklumat atau butir-butir terperinci yang telah dikumpulkan bagi mendapatkan asas untuk membuat kajian (Dr. Teuku Iskandar, 1993: 255). Dalam metod analisa data ini, penulis telah menggunakan tiga metod utama bagi mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat. Antaranya :

1.7.2(a) Metod Induktif

Metod induktif ialah kaedah bagi proses menghuraikan fakta-fakta yang berlaku secara ‘umum dan meneliti persoalan-persoalan khusus dari segi dasar-dasar pengetahuan yang

'umūm itu (Dr. Sutrisno Hadi M.A, t.t: 2). Dengan kata lain, ia bermaksud melaksanakan kajian secara khuṣūs kemudian membuat kesimpulan secara 'umūm.

1.7.2(b) Metod Deduktif

Metod deduktif merupakan metod atau cara yang berlandaskan pada pengetahuan yang khuṣūs, fakta-fakta yang unik dan merangkaikan fakta-fakta yang khuṣūs itu menjadi suatu penyelesaian yang bersifat 'umūm (Ibid: 2). Jelasnya metod ini bertujuan untuk menghurai data-data dan membuat analisis secara khuṣūs berdasarkan sumber yang berbentuk 'umūm.

1.7.2(c) Metod Perbandingan/ Komparatif

Metod Perbandingan iaitu membuat analisis dan kesimpulan dengan cara membandingkan fakta-fakta yang diperolehi.

1.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Disertasi ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah peranan dan kesan agama Islām terhadap perkembangan peradaban umat Islām di 'Ālam Melayu. Memandangkan topik ini agak meluas yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan masyarakat Islām, penulis cuba memberi penekanan kepada aspek-aspek tertentu sahaja seperti aspek 'aqīdah, 'ibādah, akhlāq, 'śāfi'ah dan norma, mu'amalat, pendidikan dan politik. Kajian ini juga dibuat berdasarkan sejarah perkembangan awal Islām sehingga sekarang dengan melihat

bagaimana berlaku proses interaksi antara Islām dan Hindu-Buddha sehinggakan Islām berjaya membawa satu perubahan kepada masyarakat ‘Ālam Melayu.

Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat Islām di ‘Ālam Melayu seperti Sumatera Utara (Aceh, Samudera-Pasai dan Perlak), Semenanjung Tanah Melayu (Melaka dan Johor-Riau), Indo-China (Campa), Selatan Thailand (Patānī), Jawa (Demak, Bantam dan Gerisik) dan Brunei.

1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam usaha menyiapkan tesis ini, penulis telah membahagikan penulisan tesis ini kepada lima bab.

1. Bab pertama

Dalam bab ini, penulis memperkenalkan dan menjelaskan pendahuluan, pengertian tajuk dan permasalahannya. Di samping itu, penulis menjelaskan latar belakang permasalahan, kepentingan kajian, kajian-kajian yang lalu, objektif kajian, metodologi kajian, sumber data, skop dan batasan kajian serta penyusunan bab-bab tesis ini.

2. Bab Kedua

Bab kedua, penulis menjelaskan definisi agama Islām secara mendalam berdasarkan kamus dan juga tokoh-tokoh tertentu. Seterusnya penulis membincangkan tentang teori-

teori kedatangan Islām, sejarah kedatangan Islām dan kemunculan pusat-pusat perkembangan Islām berdasarkan fakta-fakta sejarah yang terdahulu dan pandangan sarjana tempatan mahupun sarjana Barat.

3. Bab Ketiga

Dalam bab ini penulis menghurai dan menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan agama Islām.

4. Bab Keempat

Dalam bab ini penulis menjelaskan bagaimana berlaku interaksi antara agama Islām dan Hindu-Buddha, evolusi *weltanschauung* masyarakat Melayu dan unsur-unsur ideologi yang dibawa oleh mereka. Menerusi bab ini, penulis dapat mengkaji dan meneliti bahawa sebelum kedatangan Islām, masyarakat di ‘Ālam Melayu sudah mempunyai kepercayaan-kepercayaan tertentu, tetapi kemudiannya dipengaruhi pula oleh agama Hindu-Buddha dan akhirnya kedatangan Islām .

5. Bab Kelima

Dalam bab ini dijelaskan bagaimana Islām membawa satu perubahan yang cukup besar kepada masyarakat di ‘Ālam Melayu dalam aspek ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, ‘ādat dan norma, mu‘āmalat, pendidikan dan politik. Dalam pada itu, permasalahan masyarakat Melayu Islām kini yang banyak terjebak dalam gejala sosial dan sebagainya juga dikaji.

6. Bab Keenam

Bab ini adalah bahagian penutup yang membuat kesimpulan secara menyeluruh terhadap apa yang diperbincangkan dalam tajuk ini. Di samping itu, penulis cuba memberi saranan dan cadangan agar ia dapat memberi manfa'at dan faedah kepada pembaca keseluruhannya bagi memahami topik ini secara mendalam.